

# Utusan Nasional

4 February 2019

## JCorp lancar Cashless Estate, bayar gaji bulanan tanpa tunai



PRESIDEN dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim (tiga dari kanan) menunjukkan KASH Card pada majlis pembukaan Kompleks Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kulim Agrotech Centre di Kota Tinggi, Johor, sebentar tadi. - UTUSAN ONLINE

KOTA TINGGI 3 Feb. - Johor Corporation (JCorp) melancarkan konsep ekonomi pintar pertama di negara ini iaitu Cashless Estate dengan melaksanakan kemudahan pembayaran gaji bulanan tanpa tunai menerusi penggunaan KASH Card.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim berkata, KASH Card itu merupakan satu instrumen pembayaran digital e-wallet yang lebih mudah dan selamat dilaksanakan menerusi Virtualflex Sdn. Bhd. (Virtualflex).

Menurutnya, pelaksanaan Cashless Estate itu bukan sahaja memudahkan pekerja ladang kerana tidak perlu menunggu lama untuk menerima gaji bulanan yang dibayar secara tunai, tetapi seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

"Buat masa ini, lebih 500 pekerja asig di ladang milik Kulim (Malaysia) Bhd. (Kulim) menggunakan konsep tersebut sebelum ia diperluaskan kepada ke semua estet milik syarikat menjelang suku kedua tahun ini," katanya dalam majlis pembukaan kompleks penyelidikan dan pembangunan (R&D) Kulim Agrotech Centre di sini sebentar tadi.

**Dagangan Online**  
Mulakan dengan  
\$30 Bonus Dagangan\*

Buka Akaun

\*T&S Tpkai. Dagangan Forex dan CFD adalah berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kerugian pada semua modal yang anda laburkan.

**XM**  
WWW.XM.COM

**USAIN BOLT**  
OFFICIAL SPONSOR